

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING  
[PENAMPANG]**

**TARIKH : 9 NOVEMBER 2020 (ISNIN)**

**SOALAN**

**DATUK IGNATIUS DORELL LEIKING [PENAMPANG]** minta **MENTERI ALAM SEKITAR DAN AIR** menyatakan sebab-sebab yang menyebabkan kelewatan penyiapan empat pakej Projek Tebatan Banjir di Penampang

**JAWAPAN**

**Tuan Yang Di-Pertua,**

1. Kerajaan telah meluluskan Projek Pembangunan Lembangan Sungai Bersepadu (PLSB) Sungai Moyog (pakej 1 dan pakej 3), Rancangan Tebatan Banjir Sungai Tebongon (Kg. Teguli), Sabah dan Rancangan Tebatan Banjir Bandar Sierra, Lembangan Sungai Telipok, Sabah bagi mengurangkan risiko banjir di sebahagian kawasan di Penampang.
2. Walau bagaimanapun, pelaksanaan projek di tapak bina mengalami kelewatan setelah Kerajaan melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) bermula dari 18 Mac 2020 sehingga 12 Mei 2020 dan juga Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) pada 13 Mei 2020 sehingga 9 Jun 2020.

## NO. SOALAN : 33

3. Kerja-kerja pembinaan di tapak telah mula beroperasi semula pada 9 Jun 2020. Pihak kontraktor perlu membuat perancangan semula bagi mematuhi *standard operation procedure* (SOP) yang ditetapkan oleh Kerajaan semasa melaksanakan kerja pembinaan ditapak.

4. Selain daripada itu, terdapat beberapa isu lain yang turut menyumbang kepada kelewatan kemajuan kerja ditapak antaranya ialah isu penempatan setinggalan di jajaran parit yang akan dibina, Pengalihan utiliti kabel Syarikat Sabah Elektrik Sdn Bhd, Jabatan Air Negeri Sabah dan terdapat beberapa lokasi pembinaan yang melibatkan perkongsian *reserve of work* (row) dengan projek pembinaan Pan Borneo.

Sekian. Terima kasih.